No. Rujukan : UTeM.02.05.03/100-3/2/3 Jld.3 (53)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 17 TAHUN 2014

PROGRAM "CHANCELLOR'S TALK"
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Pendaftar
14 Mei 2014

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/3 Jld.3 (53) 14 MEI 2014

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 17/2014

PROGRAM "CHANCELLOR'S TALK"
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Surat Edaran Pentadbiran ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada pengetahuan semua warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai Program "Chancellor's Talk" Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 Adalah dimaklumkan bahawa pihak Universiti akan menganjurkan Program "Chancellor's Talk" bertujuan untuk memberi pengetahuan serta mendapatkan input-input terkini dan terbaik daripada tokoh negarawan, ilmuwan dan cendekiawan negara. Sehubungan itu, YABhg. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad diberi penghormatan sebagai penyampai utama di dalam Program "Chancellor's Talk" ini atas persetujuan daripada Tuan Yang Terutama Tun Canselor. Program tersebut akan diadakan seperti ketetapan berikut:

TARIKH	**:**	**19 MEI 2014 (ISNIN)**
MASA	**:**	**9.00 PAGI – 12.00 TENGAH HARI**
TEMPAT	**:**	**DEWAN BESAR UTeM, KAMPUS INDUK, UTeM**
TAJUK	**:**	**PERANAN UNIVERSITI BERTERASKAN TEKNIKAL DALAM PERSEKITARAN MALAYSIA BAGI MENJAYAKAN ASPIRASI NEGARA MAJU**

3.0 Insya-Allah selain daripada kehadiran TYT Tun Canselor selaku tetamu kehormat, program ini juga akan turut dihadiri oleh YAB Ketua Menteri Melaka, Pro Canselor, Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) serta para tetamu penting yang lain.

4.0 Sehubungan dengan itu, pihak Universiti menjemput dan **MEWAJIBKAN** semua staf dan pelajar yang dipilih oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) ke program tersebut. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) adalah bertanggungjawab untuk memastikan kehadiran semua staf di bawah seliaan mereka. **Staf dikehendaki**

untuk merekodkan kehadiran masing-masing sewaktu pendaftaran dan setelah selesai majlis di Dewan Besar UTeM bagi membolehkan pemberian mata CPD dilaksanakan. Untuk makluman, pengambilan cuti pada 19 Mei 2014 adalah **dibekukan** dan mata CPD akan diuruskan oleh pihak urus setia.

5.0 Atur cara program adalah seperti di **Lampiran 1.**

Sekian, terima kasih.

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menurut perintah,

DATUK HASAN BIN SIRUN
Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
/nhab

Lampiran 1

ATUR CARA PROGRAM "CHANCELLOR'S TALK"
OLEH YABHG. TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

TAJUK : PERANAN UNIVERSITI BERTERASKAN TEKNIKAL DALAM PERSEKITARAN MALAYSIA BAGI MENJAYAKAN ASPIRASI NEGARA MAJU

9.00 pagi	:	Ketibaan Staf dan Pelajar
9.15 pagi	:	Ketibaan Tetamu Jemputan
9.30 pagi	:	KetibaanTetamu Kehormat & Dif Jemputan
9.40 pagi	:	Ketibaan YBhg. Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM
9.45 pagi	:	Ketibaan YBhg. Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM
9.50 pagi	:	Ketibaan YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari bin Mat dan YBhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh, Pro Canselor, UTeM
9.55 pagi	:	Ketibaan YAB Datuk Seri (Dr.) Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka
10.00 pagi	:	Keberangkatan tiba TYT Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Canselor UTeM
10.05 pagi	:	Ketibaan YABhg. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Mantan Perdana Menteri Malaysia
	:	Lagu Negaraku dimainkan
	:	Lagu Melaka Maju Jaya dimainkan
	:	Lagu UTeM Terbilang dinyanyikan
	:	Bacaan Doa
10.15 pagi	:	Ucaptama oleh YABhg. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Mantan Perdana Menteri Malaysia
	:	Sesi Soal Jawab
	:	Penyampaian Cenderamata
12.00 t/hari	:	Bersurai

Pakaian : Pakaian Kerja / Baju Korporat, UTeM